



KEDAI PENYAMAN UDARA
NM AIRCOND SDN. BHD.

#DEMIRAKYAT SALE
ANURAN 0% INTEREST



NM AIRCOND SDN BHD
(1398600-H)

35, Jalan Aliff 4, Taman Damansara Aliff,
81200 Johor Bahru, Johor Darul Takzim.
www.nmaircond.com.my

07-244 7737 / 014-271 3214

NM Aircond Jb

RINGKASAN EKSEKUTIF

NM Aircond Electrical & Cleaning Services (JM0681076-U) ditubuhkan pada 25 Januari 2014 secara milikan tunggal dan bermula dari rumah (home-based) di Skudai, Johor. Pada tahun pertama, perniagaan ini diusahakan oleh seorang pendiri operasi yang dibantu oleh seorang pengurus pentadbiran.

Bermula Julai 2016, perniagaan ini telah berpindah ke premis pejabat yang bertempat di Dataran Larkin, Johor Bahru.

Pada 11 September 2017, NM Aircond telah menerima tawaran bantuan premis pejabat dengan kerjasama Perbadanan Islam Johor (PIJ) dan kerajaan negeri Johor di Bangunan Inkubator Usahawan Belia Islam PIJ di Bandar Baru Uda, Johor Bahru.

NM Aircond kemudian mengembangkan potensinya di pejabat urusan yang baru di Uda Business Centre, Johor Bahru dan telah dinaik taraf ke Sdn Bhd, dikenali sebagai **NM Aircond Sdn Bhd** pada 21 Disember 2020.

NM Aircond juga pernah menjalankan kerjasama penjenamaan dalam usaha mendapatkan pengetahuan pengurusan perniagaan korporat secara praktikal bersama sebuah jenama pengurusan bisnes yang besar iaitu ABS di samping meluaskan jaringan peniagaannya. Melalui beberapa siri perbincangan, NM Aircond bersetuju membawa bersama jenama ABS Aircond sebagai 'colateral'.

Kepakaran NM Aircond adalah membantu pemilik premis berpenghawa dingin sekitar Johor Bahru dengan keluasan 30 kilometer hingga 50 kilometer dari pusat bandar merangkumi kediaman domestik, rumah kedai, pejabat, butik, kilang dan perusahaan IKS dan besar untuk mendapatkan perkhidmatan membekal, memasang, menyelenggara, membaik pulih dan menguji terima unit penghawa dingin yang cekap, telus, mengikut spesifikasi dan obligasi serta memberi perkhidmatan dengan budaya Balairong Seri iaitu mengangkat Budaya Bahasa Melayu Tinggi dalam kalangan tim dan pelanggan.

NM Aircond mensasarkan sekurang-kurangnya 6.7% pasaran pelanggan daripada penduduk sekitar Johor Bahru dengan statistik kependudukan terkini seramai 747,000 orang termasuk warganegara Malaysia yang berulang alik ke Singapura.

Berdasarkan segmen pasaran yang tepat, sasaran jualan yang realistik, strategi pemasaran yang berimpak tinggi serta kawalan kos pengeluaran yang optimum, NM Aircond telah berjaya mencapai sasaran jualan RM1juta yang pertama pada tahun 2019.

Hal ini sekaligus telah menyumbang kepada peningkatan peluang pekerjaan, terutama bagi lepasan Institut Kemahiran seperti Kolej Vokasional, IKBN dan MARA seiring rancangan Pembangunan Modal Insan yang digariskan dalam Rancangan Malaysia Ke-11.

NM Aircond juga sentiasa memastikan setiap pergerakan dan pencapaian perusahaan mendekatkan kami kepada visi utama syarikat sekaligus merangkul Anugerah Kontraktor Terbaik G1 CIDB menjelang 2030. Bagi mendukung visi tersebut, NM Aircond dan seluruh ahli organisasi bahu membahu menjayakan misi seperti membudayakan integriti, bebas rasuah, amanah, jujur dan bersistematik berpandukan Al-Quran dan As-Sunnah.

Antara faktor penyumbang kejayaan NM Aircond adalah kekuatan semangat kebersamaan sesama ahli organisasi. Setiap ahli diterapkan minda usahawan yang sentiasa bersedia menghadapi risiko, mempunyai "problem solving thinking style", dan sanggup bekerja keras bagi mencapai sasaran sama ada kecil mahupun besar. Setiap ahli meraikan kekuatan ahli yang lain, juga meraikan perbezaan pendapat, idea dan kaedah sesama ahli, asal sahaja membawa kebaikan kepada syarikat.

VISI SYARIKAT

Menjadi peneraju industri kontraktor "Above The Class" patuh syariah menjelang 2030.

MISI SYARIKAT

- 1 Pada tahun 2021, NM Aircond telah menjadi pemborong Melayu pertama untuk alat ganti penghawa dingin.
- 2 Pada tahun 2021, NM Aircond telah menguasai 'Golden Triangle Area' di Johor Bahru dengan pegangan 6.7% dalam pasaran.
- 3 Pada tahun 2021, NM Aircond telah memiliki sebuah wisma yang dirasmikan oleh Dr. Hj. Azizan Osman dan Tn. Hj. Jerry Zafrol Rizal Mat.
- 4 Pada tahun 2024, NM Aircond telah menjadi kontraktor pilihan pelanggan dan telah membantu 50,000 orang pelanggan sekitar Johor Bahru.
- 5 Pada tahun 2024, NM Aircond telah membangunkan sebuah yayasan bagi membantu mereka yang memerlukan.

PRODUK & PERKHIDMATAN

NM Aircond menawarkan perkhidmatan membekal, memasang, menyelenggara, membaik pulih dan menguji terima unit penyaman udara dengan cekap, telus dan mengikut spesifikasi pelanggan dari kediaman domestik mahupun premis komersial.



Membekal



Memasang



Menyelenggara



Alat Ganti



NILAI BERSAMA

Memberikan perkhidmatan yang "wow!"

Sikap yang "awesome".

Sentiasa "fun" dan "exciting".

"Adventure", kreatif dan "open-minded".

Sentiasa belajar dan "upgrade" diri.

Membina hubungan yang terbuka dan jujur dalam komunikasi.


Membina pasukan yang positif dan sentiasa menjadi "positivity agent" dan seterusnya dicontohi oleh pihak luar.

Sentiasa "passionate" dan "determined".

"Spiritually-minded" dan memahami psikologi sekeliling.

"Flexible" dan "reliable".

STRUKTUR ORGANISASI



SENARAI KERJA NM AIRCOND 2014-2021

TARIKH	PROJEK	JUMLAH	KETERANGAN
18/9/2014	PERISIND MANUFACTURING	RM10,100.00	Kerja-kerja penyelenggaraan alat penghawa dingin
14/4/2014	GLOBAL ASIA DESIGN MALAYSIA SDN BHD	RM38,820.00	Kerja-kerja pemasangan peralatan interior
22/10/2015	PIJ HOLDINGS SDN BHD	RM49,220.00	Kerja-kerja memasang & mengujiterima penghawa dingin
6/4/2017	MS ELECTRICAL HARDWARE	RM22,350.00	Kerja-kerja membekal tenaga kerja bagi membuka & memasang penghawa dingin pmu berkaitan dibawah pejabat pengurus negeri jabatan selenggaraan bahagian penghantaran TNB
6/2/2018	PUSAT PENDIDIKAN HIDAYAH	RM26,712.06	Kerja-kerja membuka, membekal dan memasang penghawa dingin
20/12/2019	OMMER HOLDINGS SDN BHD	RM72,936.00	Kerja-kerja merombak, memasang & memulatugas sistem penghawa dingin di PMU Zon Tengah KL
17/7/2019	TRANSYSTEM FA SDN BHD	RM10,660.00	Penyelenggaraan alat penghawa dingin
28/6/2019	KUB GAZ SDN BHD	RM12,450.00	Penyelenggaraan alat penghawa dingin
23/9/2019	SOLAR GAS SDN BHD	RM14,000.00	Kerja-kerja penyelenggaraan alat penghawa dingin
3/3/2019	KORIDOR UTILITI JOHOR	RM14,290.00	Kerja-kerja penyelenggaraan alat penghawa dingin
12/3/2020	PEJABAT DAERAH PONTIAN	RM19,770.00	Kerja-kerja penyelenggaraan alat penghawa dingin
3/2/2020	KHARIZ BUILDERS	RM15,750.00	Menaiktaraf pusat pengumpulan darah di Hospital Sultanah Aminah Johor
2/12/2020	JABATAN PENDIDIKAN NEGERI JOHOR	RM12,500	Kerja-kerja penyelenggaraan alat penghawa dingin
15/12/2020	PEJABAT DAERAH PONTIAN	RM15,080	Kerja-kerja penyelenggaraan alat penghawa dingin
3/5/2021	MAYANG MUARA DEVELOPMENT (M) SDN BHD	RM33,700	Kerja-kerja membekal dan memasang sistem penghawa dingin PMU Southern Johor
3/11/2021	SAHARIL HOLDINGS SDN BHD	RM99,350	Kerja-kerja penyelenggaraan sistem penghawa dingin PMU Southern Johor
5/11/2021	MSS DESIGN AND BUILD SDN BHD	RM26,020	Kerja-kerja memasang unit penghawa dingin Warehouse Pekan Nenas.
18/11/2021	ORASKO SDN BHD	RM9,500	Kerja-kerja membekal dan memasang sistem penghawa dingin PMU Pekan Nenas

SIJIL & PERAKUAN

1. Perakuan Penubuhan Syarikat (SSM)
2. Perakuan Pendaftaran Kontraktor (CIDB) Gred G1 Kategori B, CE & ME
3. Perakuan Pendaftaran Syarikat (MOF)
4. Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (CIDB) Gred G1 Kategori B, CE & ME
5. Sijil Pencapaian Penarafan Tahap 2 (MCORE)
6. Sijil Taraf Bumiputera (STB) Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi